

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 23 APRIL 2016 (SABTU)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                                  | <b>Akhbar</b>     |
|------------|-------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1          | Strategi baharu tarik minat pelajar dalam sains sedang dirangka - Madius      | Bernama.com       |
| 2          | Bekalan air kririkal                                                          | Utusan Malaysia   |
| 3          | 'Water supply problems could last until September'                            | New Straits Times |
| 4          | Negara dijangka alami masalah air hingga September - Madius                   | Bernama.com       |
| 5          | El Nino jejas pelbagai sektor di Malaysia                                     | Bernama.com       |
| 6          | Operasi pembenihan awan berpangkalan di Subang, Pulau Pinang Berjaya - Madius | Bernama.com       |
| 7          | Hanya Chuping di Perlis catat suhu melebihi 37 darjah celsius                 | Bernama.com       |
| 8          | Kekurangan awan 'Towering Cumulus' sukarkan pembenihan awan - MOSTI           | Bernama.com       |
| 9          | Kerajaan negeri Pahang belanja RM60,000 sehari untuk pam air ke empangan      | Bernama.com       |
| 10         | Fenomena reda penghujung Jun                                                  | Harian Metro      |
| 11         | Most dams running low, says Met Dept                                          | New Straits Times |
| 12         | Give one-off rebate on electricity bill                                       | New Straits Times |
| 13         | Paras air di empangan Timah Tasoh menurun                                     | Bernama.com       |
| 14         | Mendung, hujan beberapa kawasan pada hari penamaan calon                      | Bernama.com       |
| 15         | Paras air di empangan Timah Tasoh 26.21 meter, bekalan mampu bertahan sebulan | Bernama.com       |
| 16         | 3 penyelidik terima Anugerah Kajian Kanser Makna                              | Utusan Malaysia   |



## Strategi Baharu Tarik Minat Pelajar Dalam Sains Sedang Dirangka - Madius



TUARAN, 22 April (Bernama) -- Majlis Sains Negara akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk merangka dan menghasilkan strategi baharu bagi meningkatkan minat pelajar dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau** berkata kerjasama menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan itu antara lain bertujuan memastikan sasaran kerajaan untuk mencapai 60 peratus pelajar mengambil jurusan sains tercapai.

"Kita perlu melihat strategi baharu bagi menarik minat pelajar termasuk guru-guru. Ini kerana, untuk mencapai sasaran itu, kita memerlukan guru yang mempunyai minat mendalam kepada sains dan matematik," katanya kepada pemberita selepas menutup program inovasi pendidikan di sini Jumaat.

Program anjuran Pusat Sains Negara sejak Rabu itu disertai oleh 16 sekolah dan membabitkan 40 orang guru serta 100 murid di Sabah bertujuan meningkatkan kesedaran dan penghayatan kepentingan bidang sains

Dalam perkembangan berkaitan, Madius berkata bilangan pelajar tingkatan empat dan lima yang mengambil bidang sains di Sabah tahun ini menunjukkan peningkatan kepada 15,952 berbanding 14,472 pada tahun sebelumnya.

Mengulas lanjut, katanya, satu sistem pengajaran dan pembelajaran sains iaitu Inquiry-based Science Education (IBSE) juga sedang dilaksanakan di empat negeri iaitu Kedah, Terengganu, Kuala Lumpur dan Sabah untuk tempoh percubaan.

Berdasarkan pelaksanaan di empat sekolah berprestasi rendah dalam bidang sains di Kuala Lumpur, pedagogi baharu itu telah menunjukkan hasil apabila sekolah terlibat mengatasi prestasi sekolah cemerlang dalam bidang berkenaan.

Madius berkata pendekatan yang dijalankan Akademi Sains Malaysia itu akan diperkenal ke semua sekolah di seluruh negara setelah rumusan kajian keberkesanan pelaksanaan dibuat.

-- BERNAMA



## Cuaca panas dijangka berterusan sehingga September

# Bekalan air kritikal

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**

rodelio.taucan@utusan.com.my

■ **TUARAN 22 APRIL**

**F**ENOMENA El Nino yang bakal berakhir tidak akan meredakan suhu panas ketika ini memandangkan cuaca panas dan kering serta berjerebu dijangka menyusul bermula bulan depan hingga September depan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, cuaca panas dan kering selama lima bulan itu akan menyebabkan bekalan air menjadi sangat kritikal memandangkan paras air di beberapa empangan telah pun rendah ketika ini.

Beliau berkata, negeri yang dijangka terjejas teruk adalah Kedah, Perak, Perlis, Johor dan kawasan di sekitar Lembah Klang.

Katanya, ia berlaku kerana hujan yang dihasilkan melalui pembenihan awan gagal meningkatkan paras air di empangan berikutan penebangan hutan berleluasa serta penanaman pokok sawit yang tidak terancang sehingga mengganggu aliran air.

"Sebenarnya El Nino bermula akhir tahun lepas dan memuncak pada Februari. Pada Mei hingga September ini kita akan mengalami

perubahan angin monsun timur laut ke barat daya, itu adalah satu musim baru yang panas serta kering.

"Tahun lepas kita mengalami jerebu paling teruk pada waktu ini kerana angin bertiup dari barat daya membawa asap dari arah Sumatera ke negara kita. Kita cuba atasi masalah cuaca panas dan kering ini melalui pembenihan awan, tetapi walaupun hujan akan mampu menambah takungan air di empangan, namun tahap efisiennya rendah memandangkan hutan dan pokok-pokok di sekeliling empangan tidak ada dan pokok kelapa sawit juga ditanam sehingga di tepi empangan," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Program Inovasi Pendidikan di Kampung Bantayan di sini hari ini.

Bagaimanapun kata beliau, pihaknya akan tetap melakukan pembenihan awan setiap hari sekiranya keadaan cuaca mengizinkan kerana ia adalah salah satu cara bagi mengurangkan suhu panas.

Sementara itu kata beliau, peruba-



**WILFRED MADIUS TANGAU**

han iklim ekstrem di seluruh dunia kini memaksa golongan pakar kaji cuaca melakukan lebih banyak kajian kerana teknologi yang digunakan oleh banyak negara termasuk Malaysia dilihat gagal menghasilkan ramalan cuaca yang tepat.

Katanya, sebagai contoh, perubahan tiupan angin monsun timur laut ke barat daya sepatutnya membawa bersama hujan dan ribut petir, namun apa yang berlaku ketika ini adalah cuaca panas yang ekstrem atau El Nino.

"Kita ada model dan teknologi tetapi iklim berubah-ubah dan tidak boleh dijangka. Teknologi yang ada tidak boleh kesan perubahan ini, malah teknologi dari Jepun juga gagal meramalkan cuaca dengan tepat.

"Sebab itulah semua negara sekarang bercakap mengenai perubahan iklim dan satu perjanjian yang disertai Malaysia dan ditandatangani sebelum ini menetapkan bahawa semua negara terlibat perlu mencapai kadar kosong tahap pelepasan karbon dioksida ke udara menjelang 2050," katanya.



# 'Water supply problems could last until September'

**SOUTHWEST MONSOON:** Dry spell an annual phenomenon, says minister

KRISTY INUS  
TUARAN  
kristy@nst.com.my

**W**ATER supply problems at certain areas in the country could stretch to September with the coming south-west monsoon season.

While the current hot spell was due to the El Nino phenomenon, which will dissipate by June, the coming dry season is an annual affair that will happen from next month to September, said Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau.

"Last year, we saw trans-boundary haze here brought from Indonesia by winds. We will see what the impact is this time.

"People need to understand that this dry weather happens every May to September, and we are not the only ones affected in the Asian region.

"If we look at last year, there were drops in water reservoir levels. So, the water issue could still be around until September," he said when asked whether water supply levels would remain critical with the monsoon season.

He said this after closing the National Science Centre's Science, Technology and Innovation programme for teachers at the Tamparuli Teachers' Activity Centre here yesterday.

Madius said Telibong, here, and the Penampang district were among the areas that were known to suffer water-level issues at reservoirs or dams in Sabah.

But the most critical areas in Malaysia was in the northern region, such as Perlis and Kedah.

On whether cloud-seeding operations were still needed, he said it would be continued at selected places as long as there were no technical issues.



Science, Technology and Innovation Minister **Datuk Wilfred Madius Tangau** (third from left) looking at an exhibit at the closing of the National Science Centre's **Science, Technology and Innovation programme** at the Tamparuli Teachers' Activity Centre in Tuaran yesterday. With him is National Science Centre director, **Anita Bahari** (second from left). Pic by Malai Rosmah Tuah



"While we faced some technical issues when doing these exercises, the other issue was the location of our dams — which we have highlighted at the cabinet — whether they were efficiently located for rain harvesting.

"The water collected from rain so far has been low.

"This is because some dams or reservoirs do not have thick foliage around them," he said, adding that the government was aware of this and was studying the matter through relevant ministries.

About 40 teachers and 100 stu-

dents from 16 primary schools from Tamparuli and surrounding areas took part in the programme, aimed at promoting a more effective teaching and learning process through hands-on approach to regain students' interest in Mathematics and Science.

Madius said the government had wanted 60 per cent of students taking Mathematics and Science since 1967, but unfortunately the ratio of Science students to non-Science students had gone down to 21:79 based on a study last year.

He said it was more alarming that for Sabah, those in the Science stream (in Forms Four and Five) were only 4.5 per cent, while those taking literature exceeded

90 per cent.

"Despite the low percentage, the number of students had increased.

"This year, 15,952 students are in the Science stream, compared with 14,472 students last year.

"We hope the number continues to increase after this programme," he said.

Madius said concerted efforts were needed to promote Mathematics and Science so that Malaysia would be a scientifically advanced nation, which means not being a net consumer of technology, but a net contributor to technology.

**Page 1 pic:** Putrajaya, which was covered by haze, recorded an **API reading of 69** at 10am yesterday.





## Negara Dijangka Alami Masalah Air Hingga September - Madius

TUARAN, 22 April (Bernama) -- Malaysia dijangka mengalami masalah bekalan air sehingga September berikutan cuaca panas yang dialami sekarang diramal berterusan sehingga tempoh itu, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau.

Beliau berkata walaupun cuaca panas dan kering akibat fenomena El-Nino dijangka berakhir pada Jun tetapi perubahan angin monsun Barat Daya yang menyebabkan cuaca panas akan bermula Mei hingga September.

"Perubahan angin monsun Barat Daya akan berlaku pada Mei hingga September ini, iaitu musim panas dan kering yang dialami setiap tahun. Selepas itu hingga hujung tahun barulah beralih kepada musim tengkujuh," katanya.

Cuaca panas dan kering serta perubahan angin monsun itu akan menyebabkan takungan air di empangan seluruh negara semakin menyusut dan kritikal, katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutupan program inovasi pendidikan di Pusat Kegiatan Guru Tamparuli, di sini hari ini.

Untuk itu, katanya operasi pembenihan awan sedang giat dijalankan dengan kerjasama agensi berkaitan bagi menghasilkan hujan di kawasan empangan termasuk di Perlis, Kedah, Perak, Johor dan Sabah.

Madius berkata operasi pembenihan awan itu akan dilakukan setiap hari sekiranya tiada masalah teknikal berlaku.

"Operasi itu dibuat bagi memastikan air di empangan mencukupi agar bekalan dapat disalurkan secara berterusan (sepanjang cuaca panas dan kering).

"Justeru, operasi itu akan diteruskan sehingga matlamat tercapai dan bekalan air di empangan berada pada paras selamat," katanya.

-- BERNAMA



## El Nino Jejas Pelbagai Sektor Di Malaysia

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Cuaca panas yang melanda negara berikutan fenomena El-Nino sejak awal Januari lepas memberi impak kepada pelbagai sektor di seluruh negara.

Cuaca panas itu turut menyebabkan takungan air empangan di seluruh negara semakin menyusut.

Pengumuman Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau hari ini, yang menjangkakan negara mengalami masalah bekalan air sehingga September akibat perubahan angin monsun Barat Daya, mengundang kerisauan pelbagai pihak.

Keadaan itu memaksa pelbagai sektor seperti pertanian, pelancongan, pertahanan dan kesihatan mengambil pelbagai inisiatif bagi menghadapi fenomena berkenaan.

Di KANGAR, Perlis, paras air di Empangan Timah Tasoh berada pada tahap kritikal iaitu 26.21 meter sehingga memaksa Syarikat Bekalan Air Perlis (SAP) meneruskan catuan air sehingga bulan depan.

Di KOTA BHARU, Kelantan, cuaca panas menyebabkan paras air Sungai Golok yang menjadi sempadan antara Malaysia dan Thailand di Kelantan juga dilaporkan semakin susut sehingga membolehkan orang ramai melintasi sungai itu dengan mudah.

Keadaan itu menyebabkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mempertingkatkan lagi kawalan di sempadan berkenaan dengan melakukan rondaan lebih kerap bagi menangani pencerobohan secara haram.

Di BUTTERWORTH, Pulau Pinang, seramai 3,935 pesawah di Seberang Perai Utara mengambil inisiatif menggunakan kaedah serak kering untuk menanam padi selepas terjejas akibat El-Nino.

Kaedah itu akan dimulakan pada 10 Mei ini melibatkan 6,731 hektar sawah yang memerlukan benih padi ditabur di kawasan tanah yang kurang berair untuk dibiarkan tumbuh.

Di NEGERI SEMBILAN, tinjauan Bernama mendapati taman tema air di Rembau dan pusat rekreasi Ulu Bendul, Kuala Pilah serta pantai perangan di Port Dickson kurang dikunjungi pengunjung akibat cuaca panas melampau ketika ini.

Pengurus Wet World Air Panas Pedas Resort di Rembau Khairul Anwar berkata El-Nino menyebabkan kehadiran pengunjung ke taman tema air itu semakin berkurangan sehingga 50 peratus berbanding sebelum ini.

"Memang pendapatan kita merosot akibat El-Nino. Kita sekarang dalam perancangan untuk membina lebih banyak kawasan teduhan ekoran permintaan pengunjung bagi kemudahan akan datang," katanya.



## Operasi Pembenihan Awan Berpangkalan Di Subang, Pulau Pinang Berjaya - Madius

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Operasi pembenihan awan yang berpangkalan di Lapangan Terbang Subang dan Pulau Pinang diteruskan seperti biasa hari ini, dan berjaya menghasilkan hujan di beberapa kawasan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata kawasan berkenaan ialah Empangan Timah Tasoh di Perlis, Empangan Ahning, Pedu, Muda dan Beris di Kedah, Empangan Teluk Bahang di Pulau Pinang, Empangan Bukit Merah dan Air Kuning serta kawasan tadahan Bukit Larut di Perak, Empangan Sepri dan Gemencheh di Negeri Sembilan dan Empangan Durian Tunggal di Melaka.

"Bagi kawasan sasaran di Empangan Air Hitam, Pulau Pinang, perkembangan awan diperhatikan selepas pembenihan," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Dalam pada itu, beliau berkata setakat 4 petang ini didapati hanya Stesen Meteorologi Kuala Krai di Kelantan yang mencatatkan bacaan suhu melebihi 37 darjah celsius iaitu 37.1 darjah celsius .

Sehingga semalam, sebanyak tiga kawasan mencatatkan bilangan hari tanpa hujan melebihi 10 hari iaitu Kota Bharu, Kelantan (20 hari), Machang, Kelantan (20 hari) dan Kudat, Sabah (12 hari).

Klang, Selangor, Kuala Selangor di Selangor dan Kota Tinggi di Johor pula mencatatkan bilangan hari tanpa hujan selama 10 hari.

-- BERNAMA





## Hanya Chuping Di Perlis Catat Suhu Melebihi 37 Darjah Celsius

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Hanya Stesen Meteorologi Chuping di Perlis yang mencatatkan bacaan suhu melebihi 37 darjah Celsius pada Jumaat berikutan cuaca panas akibat fenomena El Nino ketika ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau dalam satu kenyataan berkata sehingga jam 4 petang tadi, Stesen Meteorologi Chuping di Perlis itu mencatatkan bacaan suhu 37.2 darjah Celsius.

Beliau berkata tiga kawasan mencatatkan bilangan hari tanpa hujan melebihi 10 hari sehingga semalam ialah masing-masing 19 hari di Kota Bharu dan Machang, Kelantan serta 11 hari di Kudat, Sabah.

"Klang dan Kuala Selangor, Selangor; Kota Tinggi, Johor; Rompin, Pahang serta Kota Kinabalu, Sabah mencatatkan bilangan hari tanpa hujan selama tujuh hingga sembilan hari," katanya.

Madius berkata operasi pembenihan awan hari ini juga diadakan di beberapa kawasan.

"Operasi tersebut berjaya menghasilkan hujan di kawasan tadahan Bukit Larut, Perak; empangan Bukit Merah dan Air Kuning, Perak; empangan Sepri, Negeri Sembilan dan empangan Durian Tunggal, Melaka," katanya.

-- BERNAMA



## Kekurangan Awan 'Towering Cumulus' Sukarkan Pembenihan Awan - MOSTI

KOTA BAHARU, 23 April (Bernama) -- Pembenihan awan untuk menghasilkan hujan jarang dilakukan ketika ini kerana kekurangan awan jenis 'towering cumulus', kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Dr Abu Bakar berkata kerajaan mempunyai peruntukan mencukupi untuk melakukan pembenihan awan dan sentiasa membuat pemantauan terhadap pergerakan awan jenis berkenaan.

"Dah banyak kita lakukan (pembenihan awan) dan kita tak ada masalah duit untuk lakukan pembenihan awan kerana kita mempunyai duit mencukupi.

"Yang menjadi masalah ialah awan 'towering cumulus'. Kalau awan jenis itu ada kita boleh buat operasi pada bila-bila masa dengan kadar kejayaan (untuk hujan berlaku) adalah 95 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Keusahawanan dan Inovasi 2016 Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Kota Baharu di sini, Sabtu.

Hadir sama Pengarah KPTM Kota Baharu Mohd Asri Mohammad dan Pengarah Jabatan Meteorologi Kelantan Maqrun Fadzli Mohd Fahmi.

Dr Abu Bakar juga berkata kerajaan membelanjakan antara RM30,000 dan RM80,000 setiap kali pembenihan awan dilakukan menggunakan pesawat ringan jenis Cessna dan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) jenis Charlie C-130.

"Pembenihan awan kita buat sepanjang tahun. Bila keadaan kritikal, kerajaan negeri tak perlu minta pun (untuk buat pembenihan awan) kerana kita sentiasa buat pemantauan," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata kerajaan menerusi MOSTI telah membelanjakan sebanyak RM2.896 bilion pada Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) dan RM998.57 juta bagi RMK10 untuk pelbagai geran dan dana berkaitan penyelidikan inovasi produk.

"Sepanjang tempoh itu juga, sebanyak 494 produk inovasi telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa manakala 1,037 produk inovasi telah diiktiraf di peringkat nasional.

"Namun kadar mengkomersialkan produk pula sangat rendah iaitu sekitar lapan hingga sembilan peratus sahaja. Untuk menjadi sebuah negara maju sekurang-kurangnya kita komersialkan 15 peratus produk," katanya.

-- BERNAMA





## Kerajaan Negeri Pahang Belanja RM60,000 Sehari Untuk Pam Air Ke Empangan

KUANTAN, 22 April (Bernama) -- Kerajaan negeri Pahang terpaksa mengeluarkan belanja sebanyak RM60,000 sehari untuk mengepam air di tiga buah loji air di negeri ini berikutan keadaan di muka sauk tiga loji rawatan di Lipis, Temerloh dan Pekan yang kering akibat fenomena El Nino.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail berkata, sejak dua minggu lalu kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja berkenaan untuk mengepam air dari kawasan lain bagi memastikan loji air itu menerima bekalan air mencukupi.

"Sejak dua minggu lalu, Paip mengeluarkan belanja RM20,000 sehari bagi setiap loji berkenaan untuk kos minyak dan jentera berikutan air di muka sauk kering.

"Mereka perlu menggali dan mengepam air sungai dari kawasan berhampiran muka sauk bagi membolehkan loji berkenaan beroperasi," katanya.

Dua bulan yang lalu, katanya kerajaan negeri telahpun memohon peruntukan sebanyak RM27 juta daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menjalankan proses pembenihan awan bagi meningkatkan paras air kawasan lembangan Sungai Pahang, namun masih belum ada jawapan.

Menurutnya walaupun keadaan paras air di semua empangan itu masih berada pada paras normal, namun langkah pembenihan awan perlu dilakukan dengan segera terutama di kawasan lembangan Sungai Pahang untuk memastikan air dapat mengalir semula ke muka sauk.

Dalam masa yang sama, katanya kerajaan negeri masih belum bercadang untuk membuat catuan air berikutan memandangkan paras air masih dalam keadaan terkawal.

Sementara itu pihak pengurusan taman tema air Gambang Water Park bersedia menutup sementara operasinya sekiranya menerima notis daripada kerajaan negeri untuk berbuat demikian bagi menjimatkan bekalan air.

Penolong Pengurus Pemasaran Gambang Resort City, Paris Koh berkata bagaimanapun setakat ini pihak pengurusan taman tema air itu masih belum menerima sebarang arahan berhubung perkara itu.

"Jika kami terima notis ini daripada kerajaan negeri, sudah pasti kami akan tutup. Sekiranya paras air terus berkurangan, pihak pengurusan akan mencari alternatif lain," katanya.

Dalam masa yang sama, beliau berkata bilangan pengunjung datang ke taman tema air berkenaan tidak menunjukkan peningkatan ketara bagi tempoh Feb hingga bulan ini jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lepas.

"Sama sahaja ... tiada peningkatan jumlah yang luar biasa biarpun dengan keadaan cuaca panas melampau ini," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 15  
TARIKH: 23 APRIL 2016 (SABTU)

Kuala Lumpur

## Fenomena reda penghujung Jun

Fenomena El Nino kini berada dalam fasa lemah dan suhu negara dijangka kembali pulih selewat-lewatnya penghujung Jun depan.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Datuk Che Gayah Ismail berkata, lanjutan daripada tempoh El Nino adalah perkara biasa bergantung kepada arah tiupan angin dan perubahan iklim secara keseluruhannya.

"Kami juga tidak menolak jangkaan umat Islam akan berpuasa dalam cuaca panas, namun suhu ketika itu tidaklah setinggi ketika ini.

"Bagaimanapun, negara akan kembali mengalami suhu normal sekitar 35 darjah Celsius pada penghujung Jun, sekali gus membebaskan penduduk daripada cuaca panas melampau," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Siri fenomena El Nino kali ini dikesan mula melanda tanah air sejak Februari lalu dan dijangka pada awalnya berakhir pada April ini, namun suhu panas melebihi paras normal masih



CHE Gayah

dicatatkan.

Malah, Malaysia dicatatkan sudah 12 kali mengalami keadaan itu sejak 1951 hingga 1998 dengan kejadian terburuk berlaku pada 1982, 1983, 1997 dan 1998.

Biasanya, El Nino terbentuk pada pertengahan tahun, berada di kemuncak pada akhir tahun dan menjadi lemah menjelang awal tahun berikutnya dan boleh menyebabkan rantaian perubahan iklim di seluruh dunia, antaranya hujan lebat di beberapa kawasan dan kemarau berpanjangan.

### »Catatan suhu tertinggi (2015-Mac 2016)

**April 2015** - Batu Embun, Pahang  
- 37.4 Celsius

**Jun 2015** - Kota Kinabalu, Sabah - 36.3 Celsius

**Ogos 2015** - Batu Embun, Pahang - 36.2 Celsius

**Oktober 2015** - Batu Embun, Pahang - 35.4 Celsius

**Disember 2015** - Kapit, Sarawak - 36.2 Celsius

**Mac 2016** - Chuping, Perlis - 39 darjah Celsius



Port Klang was enveloped in haze yesterday. Pic by Faiz Anuar

# Most dams running low, says Met Dept

## OPTIMUM LEVEL:

This is to ensure sufficient water supply when dry season kicks in

THARANYA ARUMUCAM

KUALA LUMPUR  
tharanya@nst.com.my

THE weather in most places in the country during the southwest monsoon season from May until September will be comparatively drier, which may lead to water shortages in critical areas, said the Meteorological Department.

Its director-general, Datuk Che Gayah Ismail, said it was crucial for the dams to be filled up to its optimum levels during the inter-monsoon season to ensure that there would be sufficient water supply when the dry season kicked in.

"Malaysia is supposed to experience a wet season now, but due to the El Nino phenomenon, it is the other way around.

"Most of the dams are running low and not at their optimum levels. This is worrying.

"However, since El Nino is coming to an end, this is the right time to fill up the dams as the situation might worsen during the southwest monsoon season if we don't manage the water levels now," she told the *New Straits Times* yesterday.

Che Gayah said the normal maximum temperature during the southwest monsoon season would be between 32°C and 34°C, while the normal minimum temperature would be between 23°C and 25°C.

"Most areas will experience the normal rainfall during this season."

The department forecast that the rainfall in Peninsular Malaysia would see a normal average rainfall, except in July, where Selangor, Malacca and Negri Sembilan might experience slightly above average rainfall.

Sarawak would be below average except in July, where the rainfall amount is expected to be slightly above average in Miri and Limbang.

Sabah was expected to see average rainfall, except in July in Kudat, Pedalaman, Pantai Barat dan Sandakan, which will receive slightly above average rainfall.

Labuan is forecast to receive average rainfall, except in July, where it will be slightly above average rainfall.

The National Water Services Commission Malaysia said it would continue monitoring water levels at all states to prevent water shortages during the dry spell.

"To date, there has been no requests for water rationing from any water operators, with the exception of Syarikat Air Johor Holdings Sdn Bhd for Mersing and Kota Tinggi."

Meanwhile, the air quality in several areas nationwide yesterday worsened as forest and peat fires contributed to the haze.

Based on the Air Pollutant Index (API) chart on the Department of Environment's (DOE) website, the air in two areas — Miri in Sarawak and Port Klang in Selangor — deteriorated due to high density of pollutants. As of 4pm yesterday, Miri topped the chart with a reading of 144 followed by Port Klang (106), compared with a reading of 71 and 114 respectively at 6am.

Twenty-nine other areas recorded moderate API readings, while 21 areas reported good air quality.

Other areas with high API readings were Shah Alam at 90, Batu Muda (88), Cheras (86), Nilai (84),

Banting (82) and Petaling Jaya (79).

An API of between zero and 50 is good, 51 to 100 (moderate), 101 to 200 (unhealthy), 201 to 300 (very unhealthy) and 300 upwards (dangerous).

The public could refer to DOE's portal at <http://apims.doe.gov.my> for the API readings.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said the haze enveloping the region was caused by forest and peat fires occurring in several areas in central peninsula, such as Selangor and Pahang, as well as vehicular and industrial emissions in the Klang Valley.

He said the forest fires in Bektu and Marudi, Sarawak, contributed to the haze in Miri.

"The dry and hot weather following the El Nino phenomenon and open burning had also caused the haze. We are not facing transboundary haze since Malaysia is experiencing an inter monsoon phase until mid-May," he said yesterday.

Wan Junaidi said the Fire and Rescue Department was working around the clock to keep a close watch on any fire occurrences.

Among the major forest fires that had been occurring since mid-March were in Bachok, Kelantan (40ha), Kuala Langat, Selangor (25ha), Mersing, Johor (85ha), Marang, Terengganu (21.1ha) and Marudi, Sarawak (80ha).

Wan Junaidi reminded the public not to carry out open burning, and those found guilty could be fined up to RM500,000 or face a maximum prison term of five years or both under Section 29(A) of the Environmental Quality Act 1974.

People are advised to put out small fires and report any open burning to the Fire and Rescue Department. They may call 999 or the toll-free line 1-800-88-2727.



## Paras Air Di Empangan Timah Tasoh Menurun

KANGAR, 23 April (Bernama) -- Paras air di Empangan Timah Tasoh menyusut 0.02 meter kepada 26.19 meter hari ini berbanding 26.21 meter semalam, kata Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis Abdul Najib Abdullah.

Beliau berharap keadaan itu tidak berterusan kerana hujan masih berlaku di kawasan tadahan itu walaupun sekejap-sekejap.

"Kita menjangkakan hujan lebat akan membasahi kawasan Empangan Timah Tasoh dalam masa dua atau tiga hari lagi," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Sementara itu, Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man berkata Syarikat Air Perlis (SAP) perlu menambah baik dalam membekalkan bekalan air berjadual kepada penduduk yang terlibat di kawasan utara Perlis.

"Saya mendapat laporan berlakunya beberapa masalah di peringkat penghantaran bekalan air berjadual di kawasan terjejas. Saya harap SAP dapat memperbaiki sistem penghantaran bekalan air ini secara menyeluruh dan saksama kepada semua penduduk yang terlibat.

"Saya juga ingin menasihatkan semua pihak supaya mengguna air secara berhemat,"katanya ketika ditemui selepas program My Beautiful Malaysia di Kampung Rambai di Pauh, hari ini.

**Pengarah Jabatan Meteorologi Perlis Muhammad Khalil Ab Jalil** ketika dihubungi berkata suhu semasa di negeri ini setakat 1.50 petang tadi mencatatkan penurunan bacaan iaitu 36.7 darjah celsius berbanding 37.2 darjah celsius semalam.

--BERNAMA





## Mendung, Hujan Beberapa Kawasan Pada Hari Penamaan Calon

KUCHING, 23 April (Bernama) -- Cuaca diramal mendung dan hujan di beberapa kawasan di Sarawak, terutama di kawasan pantai, pada pagi hari penamaan calon Pilihan Raya Negeri Sarawak ke-11 (PRN-11), Isnin ini.

Menurut jurucakap Jabatan Meteorologi Sarawak, kawasan yang terbabit termasuk Kuching, Samarahan, Betong, Mukah dan Bintulu.

"Bagaimanapun, cuaca bahagian-bahagian lain di negeri ini diramal baik pada pagi Isnin nanti," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Dalam pada itu, suhu minimum bagi seluruh negeri dijangka 24 darjah Celcius manakala suhu maksimum pula boleh mencapai 35 darjah Celcius, katanya.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan hari penamaan calon mulai 9 hingga 10 pagi manakala hari pengundian pula pada 7 Mei, dan pengundian awal pada 3 Mei ini.

Sementara itu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar ketika dihubungi Bernama menasihati pengundi yang berhasrat untuk turun menyokong calon mereka pada hari penamaan calon supaya bersedia menghadapi cuaca yang tidak menentu.

Beliau turut menasihati penyokong supaya meminta kebenaran pihak berkuasa di kawasan masing-masing untuk membawa payung ke pusat penamaan memandangkan objek tersebut boleh mendatangkan bahaya atau dijadikan senjata.

Dalam pada itu, Wan Junaidi yakin keadaan jerebu di Miri akan beransur pulih dan tidak akan menjejaskan perjalanan pada hari penamaan calon.

Kebakaran terbuka di kawasan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Baram, di utara Miri menyebabkan bandar raya tersebut diselubungi jerebu sejak beberapa hari lepas.

-- BERNAMA



## Paras Air Di Empangan Timah Tasoh 26.21 Meter, Bekalan Mampu Bertahan Sebulan

KANGAR, 22 April (Bernama) -- Paras air di Empangan Timah Tasoh masih berada pada tahap kritikal 26.21 meter iaitu sebanyak 29.75 peratus, menyusut 0.02 meter hari ini.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis, Abdul Najib Abdullah berkata paras air kembali menyusut selepas mencatatkan kenaikan 26.23 meter pada Rabu lepas.

"Bacaan ini berada pada tahap membimbangkan kerana masih jauh daripada paras normal iaitu 29.1 meter.

"Walau bagaimanapun, air untuk kegunaan domestik masih mencukupi sehingga sebulan lagi jika keadaan panas tanpa hujan ini berterusan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Bekalan Air Perlis (SAP) Abd Hamid Sahid berkata pihaknya masih meneruskan catuan air namun pengeluaran terpaksa dikurangkan.

"Pengeluaran terpaksa dikurangkan menyebabkan beberapa kawasan tidak dapat dielakkan untuk menerima bekalan air berjadual.

"SAP bertanggungjawab dalam mengagihkan bekalan air bersih tersebut secara adil dan menyeluruh kepada semua penduduk yang terlibat," katanya.

**Pengarah Jabatan Meteorologi Perlis Muhammad Khalil Ab Jalil** pula berkata suhu semasa di negeri ini setakat 3.50 petang tadi mencatatkan kenaikan bacaan iaitu 37.2 darjah celsius berbanding 37 darjah celsius semalam.

-- BERNAMA



**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4**  
**TARIKH : 23 APRIL 2016 (SABTU)**

## 3 penyelidik terima Anugerah Kajian Kanser Makna

**KUALA LUMPUR 22 April** - Majlis Kanser Nasional (Makna) terus komited membantu penyelidik muda menjalankan kajian saintifik berkaitan penyakit kanser apabila menganugerahkan tiga lagi geran penyelidikan berjumlah RM90,000 kepada tiga penyelidik sempena Anugerah Kajian Kanser Makna 2015.

Pengurus Besar Makna, Farahida Mohd. Farid berkata, ketiga-tiga penerima berkenaan merupakan antara 51 penyelidik yang membuat permohonan kepada Makna dan telah dipilih oleh barisan panel profesional.

"Permohonan kali ini merupakan yang tertinggi dan menandakan penyelidikan berkaitan kanser semakin mendapat perhatian penyelidik tempatan terutamanya memberi sumbangan dalam bentuk penemuan baharu.

"Tiada jalan mudah apabila menyebut tentang kanser tetapi Makna menggunakan pendekatan memberikan geran penyelidikan ini agar penyelidik menyelesaikan kajian mereka dengan tujuan 'menghidupkan' harapan," katanya ketika berucap dalam Majlis Anugerah Kajian Kanser Makna 2015 di sini hari ini.

Acara yang berlangsung di Menara Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) itu turut dihadiri Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali dan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM),



**FARAHIDA MOHD. FARID (kiri)** beramah mesra dengan **Nor Fazila Che Mat (tiga dari kanan)**, **Nethia Mohana Kumaran (tiga dari kiri)** dan **Chua Eng Wee (dua dari kiri)** dalam Majlis Anugerah Kajian Kanser Makna 2015 di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan, **Ahmad Tajuddin Ali** dan **Aini Ideris (dua dari kanan)**.

Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Tiga penyelidik yang menerima anugerah tersebut ialah Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sains Biologi Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Nethia Mohana Kumaran; Ahli Farmasi Komuniti Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Chua Eng Wee dan Pensyarah Program Bioperubatan Pusat Pengajian Kesihatan

USM, Dr. Nor Fazila Che Mat.

Kesemua penerima dinilai oleh Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Dekan Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekular Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Mohd. Yusoff bagi melayakkan mereka menerima RM30,000 setiap seorang.

Tambah Farahida, Makna setakat ini telah membantu 45 penyelidik den-

gan jumlah geran berjumlah RM1.3 juta dan ia boleh dikatakan sebagai satu kejayaan yang menjurus kepada penghasilan penemuan baharu.

Sementara itu, Ahmad Tajuddin berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Makna untuk menyuntik semangat penyelidik tempatan yang seringkali menghadapi kekurangan kewangan untuk menyelesaikan kajian mereka.